

UNTUK SIARAN SEGERA

Ketuhar Cubie Panasonic – Luas di dalam, kompak di luar, teman sempurna anda di dapur

Petaling Jaya, 30 Ogos 2016 – Panasonic Malaysia hari ini telah melancarkan ketuhar perolakan stim terbaru , Ketuhar Cubie yang mempu mengubah cara kita menyediakan makanan. Model NU-SC100W, Harga runcit biasa : RM1,199 adalah model tambahan bagi barisan produk kategori Panasonic Cooking. **Panasonic Cooking**, dengan slogannya, **Merealisasikan Pelbagai Kemungkinan** terdiri daripada alatan dapur semasa penyediaan makanan dan proses memasak, merupakan salah satu keperluan yang penting dalam kehidupan sehari-hari rakyat Malaysia.

Sebagai pemula trend dalam industri Peralatan Dapur, Panasonic amat berbangga untuk menjadi jenama yang satu-satunya membawa pelbagai aneka Peralatan Dapur yang sesuai untuk semua tahap kepakaran. Kerja-kerja memasak semakin mudah untuk rakyat Malaysia yang sentiasa sibuk, namun ingin menikmati makanan yang dimasak sempurna untuk insan tersayang.

Cubie dinamakan dari perkataan kubik, kerana ia mempunyai reka bentuk ketuhar kecil dan kompak. Panasonic ingin menyediakan penyelesaian sempurna untuk rakyat Malaysia yang mahukan makanan yang disediakan dengan cepat, sihat dan menyelerakan. Pertama dalam kelasnya, Ketuhar Cubie sangat sesuai dengan keluarga kecil dan muda yang memerlukan proses memasak yang cepat dan mudah.

Ciri-ciri utama Ketuhar Cubie adalah:

1. Memasak secara versatil

Pelbagai kaedah memasak boleh digunakan terutamanya stim, menggoreng secara sihat, membakar, memanggang dan penapaian. Peredaran stim dan udara panasnya boleh digunakan untuk 21 menu yang di pra-programkan. Hanya dengan satu sentuhan butang, Ketuhar Cubie boleh berubah dari fungsi stim ke pemanasan perolakan (menjadikan makanan bergoreng dan bakar lebih sedap).

2. Stim dengan cepat

Terdapat 3 jenis fungsi stim, berjulat rendah (80 darjah), normal (100 darjah) hingga tinggi (120 darjah). Dalam 20 saat sahaja, Ketuhar Cubie boleh menghasilkan stim yang mencukupi untuk memastikan rasa asal makanan itu kekal terpelihara. Selain dari memasak, fungsi stim itu boleh digunakan untuk penstrilan stim bagi botol bayi dan sudu garfu.

3. Mudah digunakan dan kompak

Mudah untuk digunakan oleh sesiapa sahaja, Ketuhar Cubie mempunyai mod memasak secara automatik di mana makanan boleh dimasak hanya dengan menekan satu butang. Skrin LCD yang besar menjadikannya mudah untuk dibaca dan tombol kawalan yang senang untuk digunakan. Reka bentuk Ketuhar Cubie ini membolehkan ia digunakan untuk memasak dengan kapasiti 15L walaupun bentuknya yang kecil. Oleh kerana bentuknya yang kompak, Ketuhar Cubie boleh dimuatkan dalam mana-mana ruang dapur tanpa menyebabkannya berselerak.

* Rujuk Katalog untuk maklumat lanjut Produk

“Panasonic akan sentiasa memperkenalkan produk baru pada barisan peralatan dapur yang bersesuaian untuk semua peringkat kepakaran. Kami mahu melengkapkan gaya hidup rakyat Malaysia yang sentiasa sibuk dengan menyediakan peralatan dapur yang efisyien dan efektif.” kata Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, Cheng Chee Chung.

Ketuhar Cubie telah direka untuk menyesuaikan gaya hidup moden dan keperluan konsumer terkini. Stim makanan merupakan cara masakan yang mempunyai sejarah panjang di Asia. Ia adalah cara terbaik untuk memelihara rasa asal, nilai pemakanan, tekstur dan warna makanan yang dimasak. Pada masa yang sama, membakar/menggoreng secara sihat juga telah menjadi semakin popular kerana pengguna telah menjadi semakin peka dengan apa yang mereka makan. Inilah sebabnya Ketuhar Cubie dicipta untuk merealisasikan keperluan stim atau membakar /menggoreng dalam peralatan kompak yang ditutup kemas beserta kawalan suhu yang tepat.

“Panasonic selalu menjadi pemula trend dalam peralatan dapur. Dengan pengenalan Ketuhar Cubie, kami berharap ia dapat memberi para pengguna lebih pilihan pada masa yang sama mengekalkan gaya hidup sihat. Ketuhar Cubie mampu menjalankan tugasnya tanpa menghilangkan khasiat dan rasa ramuan” tambah Cheng lagi.

Cheng berkata, “Dengan menumpukan kepada keluarga muda yang tinggal di bandar, kami ingin menawarkan kemudahan dengan menyediakan pilihan memasak secara cepat untuk ahli keluarga yang sibuk. Ketuhar ini boleh muat di dalam mana-mana ruang dapur kerana ia kecil dan kompak.”

Orang pertama yang menunjukkan penggunaan Ketuhar Cubie adalah Dato Chef Fazley Yaakob, pemenang rancangan MasterChef Selebriti Malaysia Musim Pertama. Beliau berkongsi tentang ciri-ciri utama ketuhar dan beliau turut menunjukkan bagaimana begitu mudahnya cara-cara menggunakan Ketuhar Cubie.

Panasonic bakal menjalankan pameran selama 6 hari bermula dari 30 Ogos hingga 4 September 2016 di G Highstreet, Tingkat Bawah, Pusat Beli Belah One Utama. Pengguna boleh mengalami sendiri Ketuhar Cubie dan peralatan rumah dan kecantikan lain semasa pameran ini.

Tentang Panasonic

Panasonic Corporation adalah peneraju global dalam kemajuan teknologi elektronik pelbagai dan memberi penyelesaian untuk pelanggan dalam barangan elektronik pengguna, rumah, automotif, penyelesaian perniagaan dan alatan perindustrian. Sejak penubuhannya pada 1918, syarikat ini telah berkembang secara global dan kini beroperasi dengan 474 anak syarikat dan 94 syarikat bersekutu di seluruh dunia, mencatatkan penjualan bersih bergabung sebanyak 7.553 trillion yen untuk tahun berakhir Mac 31, 2016. Komited untuk mendapatkan nilai baru melalui inovasi pada barisan produk yang terbahagi, syarikat ini menggunakan teknologinya untuk mencipta kehidupan dan dunia yang lebih baik kepada pelanggannya. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang Panasonic: <http://www.panasonic.com/global>.

Tentang Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah syarikat jualan, servis dan pemasaran bagi jenama produk elektrik dan elektronik Panasonic pelbagai jenis dari audio visual, peralatan rumah, penyaman udara, penapis udara dalam rumah, perniagaan solar, digital & kamera video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, kesihatan & penjagaan kecantikan, bateri dan pencahayaan. Semua produk Panasonic boleh didapti melalui pengedar berdaftar seluruh negara. Untuk maklumat lanjut tentang jenama dan produk, lawati laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, muat turun penyiaran media dan acara bersama gambar di www.pmpressroom.com

Hubungan Media: Mazlee Mokhtar
Pengurus, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Jabatan Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877 Faks: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com